



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

SEMUA STESEN DAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM DI KAWASAN PKP KEKAL BEROPERASI

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa semua perkhidmatan pengangkutan awam di stesen dan terminal yang tersenarai di bawah sistem amaran awal *Hotspots Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) akan terus beroperasi.

Walau bagaimanapun, semua premis perniagaan di stesen yang disenaraikan di bawah akan ditutup selama tiga (3) hari dari 9 - 11 Mei 2021 mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan (Keselamatan) pada 8 Mei 2021. Sebarang penutupan atau pembukaan premis perniagaan ini adalah tertakluk kepada arahan MKN dari masa ke semasa.

1. LRT KLCC
2. LRT Masjid Jamek
3. KL Sentral

Perkhidmatan pengangkutan awam sangat penting bagi negara, terutama bagi barisan hadapan yang bergantung pada operasi berterusan walaupun semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Selangor dan Kuala Lumpur. Semua stesen pengangkutan awam perlu sentiasa dibuka bagi tujuan pemindahan atau penghantaran bekalan penting sekiranya berlakunya kecemasan.

Stesen pengangkutan ini juga dilengkapi dengan alat pengimbas suhu (thermal scanners) disamping penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang ketat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Dalam masa sama, MOT juga ingin mengingatkan kepada semua pengguna pengangkutan awam untuk terus mematuhi SOP di semua stesen dan terminal termasuk penggunaan ‘hand sanitiser’, memakai pelitup separuh muka dan menjaga jarak fizikal sebaik mungkin serta mengimbas kod QR MySejahtera.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

9 MEI 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
 +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
 unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

